

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI – BN]**

SOALAN (NO. 129)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menaik taraf ke atas semua Gelanggang Futsal 1Malaysia yang terdapat di kawasan-kawasan Parlimen seluruh Malaysia memandangkan gelanggang-gelanggang yang sedia ada tidak berbumbung dan ini telah menjadikan gelanggang mudah dirosakkan oleh hujan lebat dan angin kencang.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan sememangnya mempunyai cadangan untuk menaiktaraf semua Gelanggang Futsal yang telah dibina oleh Kementerian ini. Antara cadangan tersebut ialah dengan membina bumbung bagi gelanggang futsal sedia ada dan membaikpulih kerosakan pagar dan permukaan lantai gelanggang.
2. Pihak Kementerian sememangnya ingin membantu dari segi penyelenggaraan dan menaiktaraf gelanggang seperti yang dinyatakan, walau bagaimanapun ianya memerlukan peruntukan yang besar dan bagi tujuan tersebut permohonan peruntukan telah dibuat melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU) namun sehingga kini masih belum diluluskan.

Sekian, terima kasih.